



Headline: Kerani dedah maklumat peribadi, rugi lebih RM100,000 Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Section: Nasional

Date: 16 January 2021

Page: 13

Kerani dedah maklumat peribadi, rugi lebih RM100,000

Mangsa menerima panggilan mengenai penggunaan kad kredit

KUALA LUMPUR: Gara-gara mendedahkan maklumat akaun peribadi, seorang kerani akaun wanita kerugian RM112,000 akibat terperdaya dengan panggilan palsu sindiket penipuan Macau Scam.

Ketua Polis Daerah Sentul ACP Beh Eng Lai berkata, kejadian itu berlaku pada 2 Januari lepas apabila wanita berusia lingkungan 40-an itu menerima panggilan daripada seorang lelaki tidak dikenali mengenai penggunaan kad kredit.

Dalam perbualan telefon itu, Beh berkata lelaki berkenaan memberitahu mangsa bahawa terdapat penggunaan kad kredit yang didaftarkan atas namanya dan kemudian menyambungkan panggilan itu kepada 'pegawai Bank Negara'.

"Pengadu telah mendedahkan maklumat peribadinya setelah berjaya diyakinkan suspek yang menyamar sebagai 'pegawai Bank Negara' berkenaan tentang penyalahgunaan nama dalam urusan kad kredit itu.

"Mangsa hanya menyedari dirinya ditipu sehari selepas menerima panggilan itu setelah menyemak akaun bank miliknya dan mendapati sejumlah wang telah dipindahkan ke akaun pihak ketiga," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul, di sini.

Mengulas lanjut, Beh berkata sepanjang tahun lepas pihaknya menerima sebanyak 193 laporan polis berhubung panggilan palsu Macau Scam melibatkan kerugian sebanyak RM6 juta dengan 30 peratus daripada jumlah



JUDI: Beh menunjukkan barang rampasan ketika sidang media di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur semalam. Sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul telah membuat serbuan ke atas dua premis yang disyaki digunakan sebagai pusat kawalan perjudian secara dalam talian di sebuah kondominium di Kepong. — Gambar Bernama

“Mangsa hanya menyedari dirinya ditipu sehari selepas menerima panggilan itu setelah menyemak akaun bank miliknya dan mendapati sejumlah wang telah dipindahkan ke akaun pihak ketiga.”

ACP Beh Eng Lai
Ketua Polis Daerah Sentul

kes itu berjaya diselesaikan manakala selebihnya masih dalam siasatan.

"Polis memandang serius kes-kes yang melibatkan panggilan palsu dan menasihati orang ramai supaya berhati-hati terhadap panggilan yang diterima dengan membuat penilaian dan semakan terlebih dahulu agar tidak

menjadi mangsa penipuan," katanya.

Dalam kes berasingan, tujuh individu warga tempatan berumur 23 hingga 40 tahun termasuk dua wanita ditahan kerana disyaki terbabit dengan judi haram dalam talian semasa serbuan di sebuah kondominium di Kepong, di sini, pada kira-kira 8.30

malam, 7 Januari lepas.

Katanya, siasatan awal mendapati premis berkenaan telah beroperasi sejak tiga bulan lalu dan 27 komputer serta beberapa peralatan yang digunakan untuk kegiatan perjudian turut dirampas dan kes disiasat di bawah Seksyen 4(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953. — Bernama